

Dato' Shahbandar Sungai Ujong  
(PLAINTIF)

DAN

Dato'-dato' Lembaga - 19 Orang  
(DEFENDAN)

GUAMAN NO 22 - 138 - 1994

Dalam Mahkamah Tinggi di Seremban

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI SEREMBAN

GUAMAN NO. 22 - 138 - 1994

*3/11/94*  
*10-4-94*

ANTARA

DATO' HAJI SHAARI BIN HAJI HASSAN,  
DATO' SHAHBANDAR SUNGAI UJONG,  
KETUA ADAT WARIS DI AIR LUAK SUNGAI UJONG ... **PLAINTIF**


DAN

HAJI SHAMSUDIN BIN TALIB,  
ANAK BUAH WARIS DI AIR  
& 18 ORANG YANG LAIN ... **DEFENDAN-DEFENDAN**

AFFIDAVIT BERSAMA TAMBAHAN DEFENDAN-DEFENDAN 9 - 19

Kami, Dato' Ismail b. Tom, Dato' Haji Adam b. Hussin, Dato' Haji Razali b. Yahya, Dato' Haji Awaluddin b. Temu, Dato' Haji Zainal b. Abd. Majid, Dato' Puan Hajjah Rogayah bte. Sidang, Dato' Haji Kahar b. Sikin, Dato' Wahid b. Abdullah, Dato' Muhammad Yasin b. Abu Chik, Dato' Muhammad Sopian b. Sulaini dan Dato' Ishak b. Shamsuddin, defendan-defendan no.9 hingga 19 dengan jujur lagi ikhlas berikrar dan menyatakan seperti berikut :-

**1** - Kami, adalah masing-masing, defendan-defendan no.9 - 19, dan adalah Dato'-Dato' Lembaga serta Pegawai-Pegawai Balai yang sah bagi Waris Di Air Luak Sungai Ujong. Ekshibit 'DL - 1' adalah gambarajah struktur kedudukan kami.



2 - Kami mohon rujuk affidavit defendan pertama yang diikrar pada 15hb. Ogos 1995.

3 - Kami sesungguhnya menyatakan bahawa defendan-defendan 1, 2, 3, 4 dan 5 adalah merupakan kumpulan aktivis sebuah keluarga :-

a)Defendan pertama adalah pemberontak adat dan telah kami pecat dengan sahnya daripada memegang jawatan Panglima Besar Waris Di Air dalam tahun 1989 melalui satu kebulatan Kerapatan.

b)Defendan kedua adalah seorang bankrap dan merupakan anak saudara defendan pertama.

c)Defendan ketiga adalah kakak defendan kedua dan merupakan anak saudara defendan pertama serta salah seorang Ibu Soko daripada ratusan Ibu-Ibu Soko Waris Di Air.

d)Defendan keempat adalah seorang budak pejabat dan anak saudara defendan pertama serta tidak pernah bersama dalam urusan-urusan adat.

e)Defendan kelima adalah adik kandung defendan pertama dan seorang guru agama tentera (KAGAT) yang telah dipecat kerana berkelakuan sumbang.

- (a) Merujuk perenggan 1 affidavit defendan pertama, kami menafikan defendan pertama memegang jawatan Panglima Besar kerana kami telah

berkebulatan di dalam satu Majli Kerapatan Adat dalam tahun 1989 untuk melucutkan jawatannya itu. Tindakan ini adalah sah dan tidak pernah dibantah oleh mana-mana Buapak atau Lembaga Waris Di Air.

- (b) Gelaran 'Waris Nan Tertua' atau 'Tua Waris' bukanlah gelaran defendan pertama. Gelaran tersebut adalah merujuk kepada Adat Waris Di Darat. Lihat peraturan kelapan yang disebut dalam ucapan Dato' Andika dalam pemilihan Dato' Kelana pada 26hb. Mac 1946;

**8) Tua di dalam Waris Undang:-**

**a) Waris Ulu Dato' Johan tetap di Ulu sahaja.**

**b) Waris Ilir Dato' Maharaja Lela tetap di Ilir sahaja. Ibu-Buapanya Dato' Lela Bangsa, Dato' Siama Menteri, tetap di Ilir sahaja.**

(Rujuk kepada Ekshibit "DL-2")

Merujuk kepada Adat Waris Di Darat, nyatalah perkataan 'Waris Nan Tertua' dan 'Tua Waris' yang digunakan oleh defendan pertama tiada dan tidak dipakai dalam Waris Di Air.

**5 - Merujuk perenggan 2 afidavit defendan pertama, kami menafikan kesahihan dokumen-dokumen dan maklumat-maklumat yang digunakannya tanpa ekshibit lebih-lebih lagi kerana beliau bukanlah seorang Dato' Lembaga. Kedudukan beliau hanyalah seorang anak buah semata-mata.**

6 - Merujuk perenggan 4 afidavit defendan pertama, kami menegaskan bahawa perjumpaan yang diadakan oleh defendan-defendan pertama hingga kelima pada 13hb. Ogos 1994 bukanlah satu Kerapatan Adat Waris Di Air kerana :-

a) Pemanggil perjumpaan tersebut (defendan pertama), bukan seorang Lembaga dan tiada 'anak buah' untuk dipanggil dan bukan bidang kuasanya untuk memanggil.

b) Kehadiran sementara Dato' Paduka DiRaja dan Dato' Sri Amar Menteri adalah buat beberapa ketika dan untuk memberi amaran bahawa perjumpaan tersebut melanggar Adat dan terbatal. Selepas memberi amaran, Dato'-Dato' Lembaga tersebut telah serta merta beredar meninggalkan perjumpaan itu.

c) Kehadiran orang-orang yang tidak bertaraf Dato' Lembaga yang lain tidak boleh menjadikan perjumpaan tersebut sebagai satu Kerapatan Adat, malah ia berupa suatu perjumpaan pemberontak-pemberontak yang menderhaka di sisi Adat.

d) Gelaran 'Anak-Anak Waris Negeri' tidak wujud dan ia digunakan oleh defendan pertama untuk mengelirukan Mahkamah.

e) Dato' Andulika Mandulika Malek dan Dato' Juan Razali yang hadir tidak ada kena mengena dengan Dato'-Dato' Lembaga Waris Di Air kerana beliau adalah Dato' Lembaga Waris Di Darat. Sebenarnya keseluruhan angkara ini ditaja oleh Dato' Kelana Mubarak, Dato'

Malek bin Joned dan Dato' Juan Razali bin Khalid. Mereka di peringkat awal iaitu pada 16hb. Julai 1994 telah menganjurkan satu perjumpaan di rumah Dato' Mubarak di Kampung Pantai, di mana defendan pertama hingga kelima telah turut sama hadir. Mereka memutuskan untuk menggantung penyandang jawatan Dato' Shahbandar dan ia telah disiarkan dalam akhbar-akhbar tempatan pada 17hb. Julai 1994. Berdasarkan keputusan ini Kerajaan Negeri telah menahan 'permakanan' bermula daripada 17hb. Julai 1994 sehingga 30hb. Julai 1994. Setelah bantahan dibuat, Kerajaan Negeri telah membayar semula 'permakanan' tersebut. Untuk pengetahuan Mahkamah, Dato' Juan Razali telah dipecat oleh Dato' Kelana Kassim pada tahun 70an dan mengikut adat dia dianggap sudah 'mati'. Dato' Andulika Malek baru dilantik oleh Dato' Kelana Mubarak pada bulan Januari 1994, setelah beliau memecat Dato' Andulika Fadzil bin Nordin.

f) Orang-Orang Besar Sungai Ujong serta Setiausaha Dewan Keadilan dan Undang tiada hubung kait kuasa dan pentadbiran dalam urusan Adat Waris Di Air serta tidak berkuasa dan tidak boleh menjadikan perjumpaan itu sebagai satu Kerapatan Adat Waris Di Air.

g) Pernyataan bahawa kesemua hadirin dalam perjumpaan tersebut kononnya berkebulatan melucutkan plaintif daripada jawatannya tidak memberi apa-apa makna melainkan menyebarkan kepalsuan berniat jahat dan menghasut kerana mereka tiada bidangkuasa seperti yang telah diperuntukkan oleh peraturan-peraturan adat.

h) Sesuatu Kerapatan Adat hanya sah diadakan jika ia dihadiri oleh kesemua Dato'-Dato' Lembaga Waris Di Air yang mana hanya mereka yang berhak dan berkuasa mengadakan sesuatu Kerapatan Adat dan membuat sesuatu keputusan dengan kebulatan mengikut peraturan adat ;

*Sah Batal Kepada Lembaga*

*Hidup Mati Kepada Undang*

*Tali Pengikat Pada Lembaga*

*Pedang Pemancung Pada Keadilan*

(lihat Journal Malayan Branch Vol. xxii, pt. ii, p. 66. Merujuk kepada Ekshibit "DL-3")

**7** - Merujuk perenggan 5 affidavit defendan pertama, kami menafikan kesahihan pernyataannya disebabkan pelanggaran adat seperti tersebut di atas. Tiada bukti yang menunjukkan Buapak-Buapak, Dato'-Dato' Lembaga serta keseluruhan Ibu-Ibu Soko terlibat seperti yang digambarkannya, malah perjumpaan tersebut telah diadakan secara sembunyi-sembunyi.

**8** - Merujuk perenggan 6 defendan pertama, kami menegaskan bahawa Fasal 25 Terombo Sungai Ujong tidak wujud seperti yang diekshibitkan (DPB - 1) yang mana telah diada-adakan untuk mengelirukan Mahkamah. Ini adalah satu kepalsuan yang amat nyata dan serius.

**9** - Merujuk perenggan 7 affidavit defendan pertama, kami menegaskan bahawa defendan pertama ingin mengelirukan Mahkamah kerana tiada *precedent* dalam adat kes pecat memecat. Ini berdasarkan:-

a) Perlembagaan Negeri Sembilan - Artikel 15(2) yang secara mandatori memaktubkan -

"Dengan tidak mengganggu Andika-Andika, kuasa-kuasa dan pegangan Dato' Kelana sebagai Undang dan dengan tertakluk kepada syarat-syarat Perlembagaan ini, hendaklah ada perundingan di antaranya dengan Dato' Shabbandar di dalam segala perkara yang mengenai hal-ehwal Luak Sungai Ujong".

(Rujuk Ekshibit "DL-4")

Peruntukan Perlembagaan yang disebut di atas adalah berdasarkan Petitih Adat yang menyatakan bahawa Sungai Ujong sebagai sebuah negeri 'Waris Dua Carak' dan 'Undang Dua Sela' Yang mana telah dirakamkan oleh R.J. Wilkinson C.M.G. ;

*Telor sebiji sama ditatang;*

*Pesaka satu sama dibela;*

*Hilang di-darat, di-ayer menchari;*

*Hilang di-ayer, di-darat menchari;*

*Laksana mata hitam dengan mata putih.*

(Rujuk Ekshibit "DL-5" dan Ekshibit "DL-6")

Petitih tersebut di atas dengan terang menyatakan bahawa semangat muafakat dan bantu membantu itu hendaklah menjadi amalan hidup beradat antara semua yang menjunjung Adat. Bagaimanapun adalah ketara bahawa defendan pertama tidak mengamalkan apa yang dilafazkannya, malah beliau telah menunjukkan perilaku yang merejah dan memecah serta mengubah dan mangaleh Adat.



**10** - Merujuk kepada perenggan 8 afidavit defendan pertama, kami menyatakan bahawa defendan pertama telah terkeliru dengan maksud Terombo yang mana ia bermakna dongengan atau cerita-cerita dan bukannya undang-undang Sivil atau undang-undang Adat. Sebenarnya Terombo tersebut yang menyebut tentang aturan-aturan perlucutan dan perlantikan sesuatu jawatan tidak wujud dan hanyalah rekaan beliau sendiri. Pengertian Terombo dalam Kamus Dewan adalah merujuk kepada Ekshibit 'DL - 7.

Perkara perlantikan semua Dato'-Dato' Lembaga adalah sah mengikut Undang-undang dan Adat, dan defendan pertama tidak berhak mempertikaikannya. Tuduhan-tuduhan defendan pertama adalah tidak berasas dan tidak relevan.

**11** - Merujuk kepada perenggan 9 afidavit defendan pertama, tiada bukti bahawa susunan Buapak dan Lembaga Waris Di Air berada dalam keadaan tidak teratur. Dalam tahun 1989, kami Dato'-Dato' Lembaga telah mengadakan Kerapatan dan dengan kebulatan telah melucutkan gelaran Panglima Besar daripada defendan pertama. Kami menegaskan bahawa urusan ini adalah urusan Adat Waris Di Air dan urusan tersebut selesai tanpa rujukan kepada Dato' Kelana atau Dewan Keadilan. Soal Pemakanan bukan kriteria untuk pengiktirafan. Bagaimanapun defendan pertama tiada mengekshibitkan 'surat restu' dari Dewan Keadilan dan Undang. (Lihat bidang kuasa seperti dalam Ekshibit "DL-8").

**12** - Merujuk kepada perenggan 10 afidavit defendan pertama, kami menegaskan bahawa defendan-defendan pertama hingga kelima telah berkomplot untuk melaksanakan niat

tidak baik mereka. Mereka bukan sahaja telah menyerobot hak dan kuasa kami sebagai Dato-Dato' Lembaga Waris Di Air, malahan telah melakukan suatu perkara yang salah dan buruk menurut Adat dan pertimbangan akal budi yang luhur. Kami juga dengan tegas menafikan hak atau kuasa defendan pertama untuk bertindak sebagai 'penghubung' di antara Balai Undang dan Waris Di Air. Sebenarnya defendan pertama, sebelum dia dipecat, hanyalah seorang ketua kakitangan-kakitangan di Balai Dato'Shabbandar dan tidak ada kena mengena dalam urusan Lembaga.

**13** - Merujuk perenggan 11 affidavit defendan pertama, kami menafikan sama sekali gambaran yang diberikan oleh beliau. Sebenarnya defendan kesebelas tersebut hanya mendekati defendan pertama di permulaan perjumpaan tersebut untuk memberi amaran bahawa perjumpaan tersebut adalah menyalahi adat dan terbatal. Selepas itu defendan kesebelas meninggalkan perjumpaan tersebut tanpa sebarang penglibatan. Malahan defendan pertama gagal membuktikan bahawa perjumpaan tersebut telah dihadiri oleh Ibu-Ibu Soko dan Anak-Anak Waris keseluruhannya. Apa yang nyata ialah defendan pertama hanya mengadakan perjumpaan di kalangan ahli keluarganya sendiri dan berkomplot untuk mencemar plaintif.

**14** - Merujuk kepada perenggan 12 affidavit defendan pertama, ia sama sekali mengelirukan Mahkamah dengan akuan bahawa perbuatan mereka adalah benar secara mutlak tanpa menghiraukan Undang-Undang Negeri dan Adat yang luhur. Kami menegaskan bahawa Dato' Kelana dan Kerajaan Negeri bertanggungjawab menyiasat kesahihan perbuatan defendan pertama dan konco-konconya. Apa yang berlaku

jelas menunjukkan bahawa defendan pertama telah berjaya mengabui mata Dato' Kelana dan Kerajaan Negeri tanpa menghiraukan 'Audi Alterem Partem' dan 'Nemo Jude in Kausa Sua'.

**15** - Merujuk kepada perenggan 13 afidavit defendan pertama, kami sekeras-kerasnya menafikan tuduhan tanpa asas itu. Memorandum yang diekshibitkannya adalah satu contoh lagi komplot mencemarkan nama baik plaintif yang mana kami sebagai Dato'-Dato' Lembaga tidak pernah mengetahuinya atau menerima sebarang pengaduan dalam hal tersebut. Memorandum tersebut tidak bertarikh dan pengesahan tandatangan kehadiran adalah rekaan defendan pertama sendiri dan konco-konconya.

**16** - Merujuk kepada perenggan 14 afidavit defendan pertama, kami menafikan kejujuran defendan pertama kerana kami telah difahamkan bahawa perjumpaan bertarikh 8hb. Oktober 1994 yang dianjurkan oleh defendan pertama dan konco-konconya mengandungi agenda mencari 'benih baru' untuk jawatan Dato' Shahbandar. Kami akan mengemukakan saksi-saksinya dalam perbicaraan. (Lihat Ekshibit "DL-9")

**17** - Merujuk kepada perenggan 15 afidavit defendan pertama, kami dengan sejujur dan seikhlasnya menyatakan seperti berikut :-

a) Tuntutan plaintif adalah mustahak demi untuk menjaga keluhuran Perlembagaan, perjalanan Adat Waris Di Air dan Luak Sungai Ujong secara keseluruhannya.

- b) Kami Dato'-Dato' Lembaga menyatakan bahawa undang-undang tidak membenarkan defendan pertama serta konco-konconya menyerobot (mencuri/merompak) kuasa yang hanya ada pada Dato'- Dato' Lembaga.
- c) Neraca keadilan dan timbangan kesaksamaan menunjukkan bahawa permohonan plaintif seharusnya dibenarkan.
- d) Sekiranya injunksi yang dipohon tidak dikeluarkan oleh Mahkamah yang mulia ini, maka kuasa Dato'-Dato' Lembaga akan terdedah untuk diseroboti oleh defendan pertama dan kumpulannya serta keutuhan Adat Waris Di Air akan lenyap oleh tindak-tanduk defendan-defendan pertama hingga kelima sekeluarga yang berkepentingan.
- e) Kami, Dato'-Dato' Lembaga akan menghuraikan di dalam perbicaraan segala karenah defendan-defendan pertama hingga kelima sekeluarga yang telah berjaya mengabui mata Dato' Kelana dan Kerajaan Negeri sendiri tanpa sebarang usul periksa tentang apa yang dikatakan 'pemecatan' Dato Haji Shaari yang mesti dijalankan mengikut peraturan Undang-Undang dan Adat.

Dengan demikian, kami memohon agar permohonan injunksi ini dibenarkan demi kepentingan dan masa hadapan Luak 'Waris Dua Carak' dan 'Undang Dua Sela' ini.

Dengan demikian, kami memohon agar permohonan injunksi ini dibenarkan demi kepentingan dan masa hadapan Luak 'Waris Dua Carak' dan 'Undang Dua Sela' ini.

Diikrar bersama oleh :-

Dato' Ismail bin Tom

Dato' Haji Adam bin Hussin

Dato' Haji Razali bin Yahya

Dato' Haji Awaludin bin Temu

Dato' Haji Zainal bin Abd. Majid

Dato' Puan Hajjah Rogayah binti Sidang

Dato' Haji Kahar bin Sikin

Dato' Wahid bin Abdullah

Dato' Muhammad Yasin bin Abu Chik

Dato' Muhammad Sofian bin Sulaini

Dato' Ishak bin Shamsudin

di SEREMBAN

pada 9 - 9 - 1995


) 

) 

) 

) 

) 

) 

) 

) 

) 

) 

) 

Di hadapan saya,



20A, Jalan Lela Abdul Rahman  
70000 Seremban,  
Negeri Sembilan Darul Khusus.  
Tel: 06-738459/06-720350

Afidavit Jawapan ini difailkan oleh Tetuan Zainal & Partners, Peguamcara bagi pihak defendan-defendan ke-8 hingga ke-19, yang beralamat di No. 20A, Tingkat 1, Bangunan UDA, Bandar Baru Ampangan, 70400 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus.

# CARTA STRUKTUR PEMERINTAHAN ADAT WARIS DI AIR LUAK SUNGAI UJO

**DATO' SHAHBANDAR**

Dato' Seri Maharaja Diraja

Dato' Paduka Diraja

**LEMBAGA**  
Dato' Seri  
Amar  
Diraja

Perut  
Nenek Sulong

Buapak

Waris/Suku  
Anak Buah

**LEMBAGA**  
Dato' Seri  
Amar  
Menteri

Perut  
Susu Dara

Buapak

Waris/Suku  
Anak Buah

**LEMBAGA**  
Dato'  
Paduka  
Diraja

Perut  
Susu Ganda

Buapak

Waris/Suku  
Anak Buah

**LEMBAGA**  
Dato'  
Menteri  
Penghulu

Perut  
Tunggal

Buapak

Waris/Suku  
Anak Buah

**LEMBAGA**  
Dato'  
Akhirzaman  
Rantau

Rantau

Buapak

Waris/Suku  
Anak Buah

**LEMBAGA**  
Dato'  
Muda Labu  
Hilir

Bergajah  
Tunggal

Buapak

Waris/Suku  
Anak Buah

**LEMBAGA**  
Dato'  
Perdana  
Menteri

Labu Ulu

Buapak

Waris/Suku  
Anak Buah

**Dato' Panglima  
Besar**

(Kakitangan Balai  
Dato' Shahbandar  
dan tiada anak buah)

**Orang-Orang  
Besar Balai**

(Kakitangan-  
kakitangan  
Balai Shahbandar)

constitutional questions and concluded by announcing that Inche Mohamad Kassim bin Dato' Andika Haji Abdul Rashid had been chosen to be Dato' Klana. In parenthesis it may be explained that the new Dato' Klana was the son of former Dato' Andika and was not a close relative of the Regent.

The new Dato' Klana was led forward by the Dato' Andika and Dato' Bandar and seated on the middle of the bottom step of the dais, facing the Waris at the balai and flanked on either side by his retainers and the chiefs of Sungei Ujong. The Regent came forward on his knees in the formal fashion of a *timeng* hadap to a ruler and then read to the Dato' Klana a brief statement of the constitution of Sungei Ujong, which the Dato' Klana then promised to observe. He has subsequently signed the text of this statement, a copy of which is appended hereto.

The chiefs of sungei Ujong then came forward in due order and made obeisance in token of their acceptance of the new Dato' Klana. The Dato' Bandar did not do so and the Dato' Muda Linggi was not present. A much more elaborate ceremony of enthronement (*tabal*) must take place when rice is more plentiful and lavish feasting can be sanctioned.

**Address to the new Dato' Klana read by the Dato' Andika on 26th March 1946.**

"Adat Istiadat di-dalam Luak Sungei Ujong, Negri Sembilan.

Ia itu siapa jua menjadi Undang Luak Sungei Ujong hendak-lah menjalankan atau memakai 'adat istiadat (peraturan) ini.

1. Di-anjak layu di-chabut mati dua perkara
  - (a) 'adat yang berlukis berlembaga bertunggal berpemaranan
  - (b) hukum yang berhadis berperman dan kitab yang berlapaz bermana.
2. Lembaga Tiang Balai
  1. Dato' Andulika Mandulika
  2. Dato' Maharaja di-Raja
  3. Dato' Akhirzaman
 dan menchukupi empat dengan salah sa-orang daripada dato' yang bergajah tunggal.
3. Dato' bergajah tunggal ia-itu bukan-nya Lembaga Tiang Balai.
  1. Dato' Muda Labu
  2. Dato' Dagang Paroi
4. Undang memerintah di-dalam luak, lembaga memerintah di-dalam lingkungan, tua memerintah di-dalam suku, ibu bapa memerintah anak-buah-nya.
5. Chari-charian dalam anak buah; kusut menyelesaikan terhak kapada ibu buapa. Tidak habis pada ibu buapa pulangkan kapada tua, ia itu salah memberi benar-nya, terhak kapada tua. Tidak habis pada tua di-sampaikan kapada lembaga. Bertunggal di-tarah jika kesat di-mempelasi. Jika habis pada lembaga kata sudah perbuatan habis. Jika tidak habis pada lembaga di-sampaikan kapada Undang, ia itu keras minta takikkan and tinggi minta sigaikan kapada Undang.
6. Sah batal kapada lembaga; hidup mati kapada Undang; tali pengikat pada lembaga; pedang memanchong pada keadilan.
7. Undang dudok kapada 'adat Undang. Lembaga dudok kapada 'adat lembaga. Tua dudok kapada 'adat tua. Ibu buapa dudok kapada 'adat ibu buapa dan anak buah dudok kapada 'adat anak buah.



81. **Tua di dalam waris Unuang**  
 (a) Waris Ulu Dato' Johan tetap di-Ulu sahaja.  
 (b) Waris Ilir Dato' Maharaja Lela tetap di-Iilir sahaja.  
 Ibu buapa-nya Dato' Lela Bangsa, Dato' Siama Mentri, tetap di-Iilir sahaja.

**Appendix B.**

**Unpublished Agreements relating to Sungei Ujong.**

**Agreement of 1874.** In November 1874 the Sungei Ujong war was nearly ended; Dato' Bandar Tunggal was about to be defeated and it was necessary to regulate relations between the Dato' Klana and the new Dato' Bandar. A photostat copy of the Agreement quoted below, which shows the signature and seals of Dato' Klana Syed Abdul Rahman and of Dato' Bandar Ahmad, is extant in the possession of the present Dato' Bandar.

*"Negri Semenanjung Tanah Melayu Perentang  
 Dato' Klana Petra serta Dato' Shabbandar."*

TARIKH Sannah 1291 kapada lima haribulan Shawal. Bahawa dewasa ini pada menyatakan maka ada-lah beta Tengku Klana Petra Abdul Rahman mengukuhkan kebulatan sakalian waris<sup>2</sup> antara dua pihak di-darat dan serta di-ayer—  
 Dato' Raja serta Dato' Menika dan Dato' Paduka serta dengan Raja Hussin dan Mentri serta Imam Perang Haji Abu Bakar telah muafakat-lah mereka yang tersebut itu mengukuhkan ikrar serta tanda tangan hadap-berhadapan beta daripada beta pun menerangkan chap keterangan beta kepada Penglima Besar Ahmad bin Haji Mohamad Ali jadi Shah bandar memerentahkan pesaka atoran tua<sup>2</sup> dahulu<sup>2</sup> yang tidak boleh menukar atau mengubahi sekali<sup>2</sup>. Shahdan lagi ikrar pada janji beta kepada Dato' Shah Bandar apakala ada hal hal ehwal atau apa<sup>2</sup> perbuatan beta melainkan hendak-lah beta muafakat bersama<sup>2</sup> dengan Dato' Shah Bandar.

Dan yang Dato' Shah Bandar pun apa perbuatan-nya melainkan hendak-lah muafakat dengan beta baharu-lah jadi. Peratoran tua<sup>2</sup> yang demikian itu-lah Klana dengan Bandar daripada memerintah negeri.

Sah-lah dengan nyata-nya perbuatan yang tua<sup>2</sup> demikian itu, maka membubohi-lah waris<sup>2</sup> dato'<sup>2</sup> yang punya nama<sup>2</sup> di-bawah shatar ini.

Wakatabuhu Haji Abdul Rauf bin Abdul Latiff.

Tanda tangan keterangan Dato' Raja	X	
Tanda tangan keterangan Dato' Menika	X	
Tanda tangan keterangan Dato' Peduka	X	
Tanda tangan keterangan Raja Hussin	X	
Tanda tangan keterangan Mentri	X	
Tanda tangan keterangan Imam Perang Haji Abu Bakar	X	
Tanda tangan Dato' Juan	X	10.11.1874
Tanda tangan Raja Sulong	X	
Tanda tangan Dato' Lela	X	
Tanda tangan To' Raja di-Muda Mohamad	X	
Tanda tangan To' Menjinda	X	
Tanda tangan Penghulu Dagang Paroi.	X	

Witness Sd. W. A. Pickering  
 10.11.1874"

(The seals of the Dato' Bandar and Dato' Klana are at the head of the agreement)

constitutional questions and concluded by announcing that Inche Mohamad bin Dato' Andika Haji Abdul Rashid had been chosen to be Dato' Klana. In parenthesis it may be explained that the new Dato' Klana was the son of former Dato' Andika and was not a close relative of the Regent.

The new Dato' Klana was led forward by the Dato' Andika and Dato' Bandar and seated on the middle of the bottom step of the dais, facing the balai and flanked on either side by his retainers and the chiefs of Sungei Ujong. The Regent came forward on his knees in the formal fashion of a *hadap* to a ruler and then read to the Dato' Klana a brief statement of the constitution of Sungei Ujong, which the Dato' Klana then promised to observe. He has subsequently signed the text of this statement, a copy of which is appended hereto.

The chiefs of sungei Ujong then came forward in due order and made obeisance in token of their acceptance of the new Dato' Klana. The Dato' Bandar did not do so and the Dato' Muda Linggi was not present. A much more elaborate ceremony of enthronelement (*tabal*) must take place when rice is more plentiful and lavish feasting can be sanctioned.

Address to the new Dato' Klana read by the Dato' Andika on 26th March 1946.

"Adat Istiadat di-dalam Luak Sungei Ujong, Negri Sembilan.

Ia itu siapa jua menjadi Undang Luak Sungei Ujong hendak-lah menjalankan tau memakai 'adat istiadat (peraturan) ini.

1. Di-anjak layu di-chabut mati dua perkara
  - (a) 'adat yang berlukis berlembaga bertunggal berpemaranan
  - (b) hukum yang berhadis berperman dan kitab yang berlapaz bermana
2. Lembaga Tiang Balai
  1. Dato' Andulika Mandulika
  2. Dato' Maharaja di-Raja
  3. Dato' Akhirzamanlan menchukupi ampat dengan salah sa-orang daripada dato' yang bergajah tunggal
3. Dato' bergajah tunggal ia-itu bukan-nya Lembaga Tiang Balai.
  1. Dato' Muda Labu
  2. Dato' Dagang Paroi
4. Undang memerintah di-dalam luak, lembaga memerintah di-dalam lingkongan, tua memerintah di-dalam suku, ibu bapa memerintah anak-buah-nya.
5. Chari-charian dalam anak buah; kusut menyelesaikan terhak kapada ibu buapa. Tidak habis pada ibu buapa pulangkan kapada tua, ia itu salah memberi benar-nya, terhak kapada tua. Tidak habis pada tua di-sampaikan kapada lembaga. Bertunggal di-tarah jika kesat di-mempelasi. Jika habis pada lembaga kata sudah perbuatan habis. Jika tidak habis pada lembaga di-sampaikan kapada Undang, ia itu keras minta takikkan and tinggi minta sigaikan kapada Undang.
6. Sah batal kapada lembaga; hidup mati kapada Undang; tali pengikat pada lembaga; pedang memanchong pada keadilan.
7. Undang dudok kapada 'adat Undang. Lembaga dudok kapada 'adat lembaga. Tua dudok kapada 'adat tua. Ibu buapa dudok kapada 'adat ibu buapa dan anak buah dudok kapada 'adat anak buah.

CHAPTER 5  
A. THE RULING CHIEFS

**14. Ruling Chiefs.**

(1) The Undangs of the territories of Sungei Ujong, Jelebu, Johol and Rembau shall be persons lawfully elected in accordance with the custom of their respective luaks.

(2) The Office of Tengku Besar Tampin shall be hereditary by primogeniture amongst the male descendants lawfully-begotten in the male line of Tengku Syed Abdul Hamid bin Tengku Syed Shaban but if the heir is under the age of eighteen years according to the Gregorian calendar the office shall remain in abeyance until he shall have attained such age.

(3) On any of the Undangs vacating or on being removed from office in accordance with the custom of his luak, or in the event of the Tengku Besar, Tampin, vacating office there shall be paid to such Undang or Tengku Besar, as the case may be such monthly allowance for life, not exceeding one quarter of the monthly allowance paid to him while in office, which the Legislative Assembly shall by Resolution determine:

Provided that the Legislative Assembly may terminate or withhold such allowance if the recipient thereof does any act prejudicial to the interests of the State or if he instigates any person to commit any treasonable act against the reigning Yang Dipertuan Besar or if he conspires with any person or foreign Government to do any act likely to cause injury to the State or its interests.

(4) The allowance payable under Clause (3) of this Article shall be a charge on the Consolidated Fund.

B. DATO' SHAHBANDAR OF SUNGEI UJONG

**15. Dato' Shahbandar of Sungei Ujong.**

(1) Dato' Shahbandar Sungei Ujong shall be the person lawfully elected as head of the waris di Ayer in accordance with the custom of the luak of Sungei Ujong.

(2) Without prejudice to the prerogatives, powers and jurisdiction of Dato' Klana as Undang, and subject to the provisions of this Constitution, there shall be consultation between him and Dato' Shahbandar in all matters affecting the affairs of the luak of Sungei Ujong.

1898. The mosques and kathis of Sungai Ujong are not controlled by Sri Menanti. The Klana was, of course, head of the *waris* who drew so large a portion of the revenues of the country, but in addition to his share of this income he was entitled to the proceeds of all farms and monopolies, of all poll-taxes and of all fines under the religious law.

Import and export duties were divided: those collected on the Linggi River were shared between the Klana, the Bandar and the *Bo' Muda* Linggi; those on other rivers between the Klana and the Bandar.

An anomalous element has been introduced into Sungai Ujong government by the rise of the Dato' Bandar to a position of equality with the Klana. In the euphemistic language of Sungai Ujong *prists*, the country is under the care of both rulers equally:

*Telor sa-biji sama di-tatang;*

*Pésaka satu sama di-béla;*

*Hilang di-darat, di-ayer mēnchari;*

*Hilang di-ayer, di-darat mēnchari;*

*Laksana mata hitam dēngan mata putih.* ✓

But Malay common-sense, in proverbs as well as in law, de-laims against the folly of dividing sovereignty. Sometimes the *lictum* is a homely caution against putting two cocks into one yard: sometimes it is a solemn legal maxim about the powers of life and death:—

*Pantang dalam 'alam mēnduakan pēlang pēmanchong;*

*Pantang dalam luak mēnduakan kēris pēnyalang.*

British protection has put an end to this rivalry by giving the Klana and the Bandar allowances of exactly the same amount and by dividing equally among their *waris* their commuted share of the revenue.

In the days of the Johor supremacy the Ruler or *Pēnghulu Mantēri* is said to have sent biennially to the Sultan the famous *bunga mas* or golden tree of submission. Tradition points out the spot where the gold was obtained—the valley between the hill of Shaikh Abdu'r-Rahman and the Seremban Residency. During the Minangkabau period the Klana was expected to send the *mas manah* to the Yamtuan Besar as well as gifts of buffaloes on the occasion of the marriage or circumcision of a prince of the blood.

All this came to an end when Sungai Ujong became independent of Sri Menanti at the accession of Pengku Antah. The treaty of A.D. 1898 (under which the present Yamtuan was installed) did not alter the position materially. *Mas manah* is paid now out of the general revenues of the State and the Klana's gifts are formal and ceremonial. The great Chiefs pay no tribute to their titular overlord.



# TAKHTA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

TAN SRI DATUK ABDUL SAMAD IDRIS



TAKHTA  
NEGERI

TAN SRI DATUK ABDUL SAMAD IDRIS

Tindakan Dato' Kelana ini mendapat sokongan dari Dato' Muda Linggi. Manakala Dato' Bandar Tunggal membantah membawa masuk Inggeris ke Sungai Ujung.

Dalam peperangan Dato' Kelana dengan Yamtuan Antah tahun 1874, Dato' Bandar telah menyebelahi Yamtuan Antah. Kerajaan Inggeris telah mengirim pasukan perangnya yang diketuai oleh Tengku Abu dari Tampin untuk membantu Dato' Kelana seramai 84 orang askar British iaitu 20 orang pasukan meriam, dan 54 daripada anak-anak kapal Inggeris, 'Charrybdis'.

Pasukan ini berjaya menawan Rasah yang dikuasai oleh Dato' Bandar pada 14hb. Oktober, 1874. Kemudiannya pada malam 11hb. November, 1874 rumah Dato' Bandar sendiri yang terletak di Kepayang dibakar. Seminggu kemudiannya mereka berjaya menawan Rahang menyebabkan kedudukan Dato' Bandar Tunggal semakin tersepit.

Akhirnya pada 30hb. November, 1874 Dato' Bandar terpaksa mengaku kalah.

Satu perjanjian ditandatangani pada 19hb. November, 1874 antara Dato' Kelana Syed Abdul Rahman dengan Dato' Bandar Tunggal dengan disaksikan oleh wakil British Mr. W.A. Pickering. Anehnya perjanjian ini telah melantik pula Haji Ahmad bin Muhammad Ali sebagai Dato' Bandar yang baru menggantikan Dato' Bandar Tunggal. Bagaimanapun dalam perjanjian tersebut, kuasa Dato' Bandar disamakan tarafnya dengan Dato' Kelana.

Mengenai kedudukan dua tokoh ini dalam pentadbiran adat di Sungai Ujung telah dijelaskan oleh Dato' Kelana Ma'amor dalam suratnya kepada Residen British Negeri Sembilan Mr. E.S. Hose pada tahun 1922 berbunyi:

"Adalah dikatakan Undang itu bagi Luak Sungai Ujung ini ialah Dato' Kelana Putera dan Dato' Bandar, dan jikalau tumbuh apa-apa hal di dalam Waris di Darat habis oleh Dato' Kelana Putera dan jikalau tumbuh pula apa-apa hal di dalam Waris di Air habis oleh Dato' Bandar, tiada boleh ganggu mengganggu kedua pihaknya".

*sanggup* ~ bidang-bidang perniagaan;  
**penerokaan** perihal (perbuatan, usaha dsb)  
 meneroka atau menerokal: ~ dlm tema dan teknik oleh para penulis seharusnya dilakukan berdasarkan pengalaman; angkasawan-angkawan yg dipilih utk menyertai siri ~ ke angkasa lepas terpaksa menjalani ujian terlebih dulu;

**peneroka** orang yg meneroka: --- zaman dahulu membuka tanah dgn menggunakan kuda dan kapak sahaja.

**teromasa** sl telatah.

**teromba** sejarah yg diceritakan dlm bentuk perbilangan, tambo, riwayat.

**teromel, teromol** IB sj peti kecil drpd tin.

**terompah** 1. sj alas kaki drpd belulang yg tidak disamak; 2. = ~ kayu sj alas kaki yg dibuat drpd kayu, kasut, gamparan.

**terong (térong)** Jw → terung.

**terongko** sl penjara, jel: kalau seseorang itu bersalah besar, ia dimasukkan ke dlm ~;

**menerongkakan** memasukkan ke dlm penjara, memenjarakan.

**teronok** sj binatang laut (spt agar-agar), ampai-ampai, ubur-ubur.

**teropong** 1. tabung kecil drpd buluh dll, buluh, pembuluh, torak; ~ api sekerat buluh utk meniup api, salung api; 2. alat utk melihat benda yg jauh-jauh atau benda yg halus-halus, keker; ~ bintang alat utk melihat bintang, teleskop; ~ asap \*pembuluh tempat asap keluar, corong asap; ~ corong, = ~ hendap, = ~ intip alat utk melihat sesuatu yg di atas air (dr kapal selam dll), periskop; ~ halus, = ~ hama, = ~ kuman, = ~ tuma alat utk melihat benda-benda halus, mikroskop; ~ hati ki mata; ~ jauh alat utk melihat benda-benda yg jauh; teleskop;

**meneropong, meneropongi** 1. melihat dgn teropong; 2. ki menyelidiki, memeriksa, meneliti: kita telah ~ apa yg telah terjadi pd bidang agama, politik dan ekonomi;

**peneropongan** perbuatan meneropong;

**peneropong** orang yg meneropong.

**terowong, = terowongan** gua yg dibina menembusi tanah atau bukit dll (utk dijadikan jalan keretapi dll), tembusan.

**terpa; berterpaan** banyak yg menyerbu (menyergap): segala anak-anak dara yg taruhan sekaliannya ~ hendak melihat Raja Zainal;

**menerpa** 1. menyerbu dan menerkam (menyerang dll): ia ~ memeluk pinggang Cik Salamah dr belakang; 2. meluru masuk, berkejar: dia ~ masuk hendak merampas kertas yg he-

rada di tangan Rosnah;

**terpaan** perbuatan menerpa, serbuan, sergap-an: tembakan meledak bertubi-tubi dan ~ askar Jepun dr dlm gudang sungguh-sungguh menggamatkan.

**terpal, = kain** ~ sj kain kasar dan tebal (utk kain klemah, layar dll), kain mota.

**terpas** sj anyaman drpd bilah-bilah buluh (utk dinding rumah dll), tepas.

**tertawa** → tawa.

**tertib** 1. peraturan yg baik dap telah ditetapkan, aturan (yg harus dipatuhi); tata- peraturan-peraturan yg mesti dipatuhi; 2. mengikut peraturan, teratur dan rapi: segala sesuatu berjalan dgn ~; 3. dgn sopan santun, dgn majlis, dgn sepatutnya: sangat ~nya barang kelakuannya.

~ acara a) peraturan mengenai segala sesuatu yg bertalian dgn pembicaraan-pembicaraan dlm mesyuarat dll; b) acara, agenda; ~ hukum ld aturan yg berkaitan dgn undang-undang; ~ nikah aturan dlm nikah; ~ sembahyang aturan dlm sembahyang; ~ sopan sopan santun;

**bertertib** mengikut tertib, teratur, sopan: apabila sampai ke rumah Pawang Dolah kau semua hendaklah duduk ~, bersopan-santun; **menertibkan** menjadikan tertib, mengatur, merapikan: kpd tenteralah orang kampung menoleh guna ~ hukum;

**ketertiban** 1. peraturan (dlm masyarakat dll), aturan: atas nama ~ rumah makan ini, engkau kuusir; 2. = adat ~ kelakuan yg baik dlm pergaulan, kesopanan: perbuatan yg kita lakukan demikian adalah melanggar ~ negara timur ini; 3. keadaan yg rapi, kerapian;

**penertiban** perihal menertibkan.

**teruah** 1. sj tumbuhan (pokok memanjat), akar kepawang (kepayang), kelepayang, pepayang, *Hodgesonia capniocarpa*; 2. sj tumbuhan (pokok memanjat), *Momordica cochinchinensis*.

**terubin** sj alat menangkap ikan; tubin.

**terubuk** 1. sj ikan laut, *Clupea macrura*; 2. sj ikan laut, *Alosa macrura*; 3. = telur ~ telur ikan terubuk (biasanya dikeringkan dan diperdagangkan); ~ padi sj ikan laut, *Clupea sinensis*

**terubul** 1. sj tumbuhan (pokok), pecah payung (piring paya), sampu tikus, segading jantan, *Ixora crassifolia*; 2. sj tumbuhan (pokok), belat, jarum hutan, kayu tajam, medang ketukuh, meroyan, segading jantan, *Ixora grandifolia*.

**terubung** Pn Pr sj tempat menyimpan padi yg dibuat drpd daun pandan atau kulit kayu, kerubung.

CHAPTER 6  
DEWAN KEADILAN DAN UNDANG

**16. Dewan Keadilan dan Undang.**

(1) There shall be a Dewan Keadilan dan Undang to be called in English "The Council of the Yang di-Pertuan Besar and the Ruling Chiefs", hereinafter referred to as the Dewan to advise on questions relating to Malay Custom in any part of the State including questions relating to the election or succession to or removal from or vacation of office of any of the Ruling Chiefs referred to in Article 14 or on other matters which may be referred to it by His Highness or any of the Ruling Chiefs and to exercise such functions as may be conferred upon it by this Constitution or any other written law.

(2) The Menteri Besar may refer to the Dewan for its advice any question relating to Malay Custom in any part of the State including questions relating to the election or succession to or removal from or vacation of office of any of the Ruling Chiefs referred to in Article 14.

(3) The advice of the Dewan on questions relating to Malay Custom in any part of the State including advice on any question relating to the election or succession to or removal from or vacation of office of any of the Ruling Chiefs referred to in Article 14 shall be final and shall not be challenged or called in question in any court on any ground.

**17. Membership.**

The Dewan shall consist of His Highness, the Ruling Chiefs, the Tengku Besar of Sri Menanti, **Dato' Shahbandar of Sungei Ujong** and such other Malay member or members as may from time to time be appointed for such period as may be prescribed by His Highness and the Undangs provided that where the Dewan deliberates on State or National policy the Menteri Besar shall be invited to attend.

**18. Meetings.**

The Dewan shall meet at least three times a year.

**19. President.**

His Highness shall preside at all meetings of the Dewan and,



Telapak Dato' Panglima Besar  
d/a Rumah Ibu Soko  
Puteh Bt Jamlus  
Kg. Jawa, Batu 8  
71900, Labu  
Negeri Sembilan

3hb Oktober 1994

Kepada,  
Y.M.Y.G.BHG/Tuan/Puan,

Per: Kerapatan Bagi Ibu-Ibu Soko dan Anak-Anak Waris DiAir Luak Sungei  
Ujong  
( 4 Perut )

**PENCARIAN BENIH PESAKA DATO' SYAIBANDAR LUAK SUNGEI UJUNG**

Saya adalah disabdakan oleh Y.T.M. Dato' Kelana Petra Dato' Mubarak Bin Dohak  
D.T.N.S.Undang Luak Sungei Ujong KeMajlis Kerapatan seperti tersebut diatas:-


Puteh Bt Jamlus  
Kg Jawa Batu 8 Labu, N.Sembilan  
Hari Sabtu 08.10.1994  
Bertempat dirumah Ibu Soko  
Jam 2.30 petang

Perkara ini adalah atas berikutan keputusan kebulatan Ibu-Ibu Soko Tua dan Waris-Waris  
Pesaka Tertua dari 4 perut Waris diAir Luak Sungei Ujong sebagaimana yang telah  
dipersembahkan kebawah kaus Y.T.M. Dato' Kelana Petra pada 25.09.1994.

Sayugla jua diingatkan bahawa pesaka Y.A.M. Dato'Syahbandar Luak Sungei Ujong telah  
digantung dan permakanannya telah pun ditahan oleh pihak kerajaan Negeri Sembilan Darul  
Khusus yang bermula berkuatkuasa pada 15.09.1994.

Bagi kita, Ibu-Ibu Soko dan Anak Waris diAir Luak Sungei Ujong yang tahu kan adat dan tahu  
membela pesaka maka jika sekiranya diseru hendaklah menyahut dan panggil hendaklah  
datang.

Yang menjunjung sabda

  
Dato' Panglima Besar  
Dato' Haji Shamsudin Bin Haji Talib P.J.K.  
b/p Waris DiAir Luak Sungei Ujong

s.k.

Kebawah Kaus Y.T.M. Dato' Kelana Petra  
Dato'Mubarak Bin Dohak D.T.N.S.  
Undang Luak Sungei Ujong.

*Kaymu to cancel*  
DALAM MAHKAMAH TINGGI DI SEREMBAN  
DALAM NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS, MALAYSIA

GUAMAN NO: 22 - 138 - 1994

ANTARA

DATO' HAJI SHAHARI BIN HAJI HASSAN, DATO' SHAHBANDAR  
SUNGAI UJONG KETUA ADAT WARIS DI AIR LUAK SUNGAI UJONG  
PLAINTIF

DAN

1. HAJI SHAMSUDIN BIN TALIB, ANAK BUAH WARIS DI AIR
2. ENCIK AZMAN BIN JAMLUS , ANAK BUAH WARIS DI AIR
3. CIK PUTIH BINTI JAMLUS, IBU SOKO WARIS DI AIR
4. ENCIK ZULKIPLI BIN RAZALI, ANAK BUAH WARIS DI AIR
5. HAJI IDRIS BIN TALIB, ANAK BUAH WARIS DI AIR .
6. DATO' MUBARAK BIN DOHAK, DATO' KELANA PETRA  
UNDANG SUNGAI UJONG KETUA ADAT WARIS DI DARAT
7. KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
8. DATO' HAJI SHAMSURI BIN HASSAN, DATO SERI MAHARAJA  
DIRAJA AHLI LEMBAGA ADAT WAIRS DI AIR
9. DATO' HAJI ADAM BIN HUSSIN, DATO' MUDA LABU  
AHLI LEMBAGA ADAT WARIS DI AIR
10. DATO' HAJI RAZALI BI YAHYA, DATO' AKHIRZAMAN RANTAU  
AHLI LEMBAGA ADAT WARIS DI AIR
11. DATO' HAJI AWALUDIN BIN TEMU, DATO' PADUKA DIRAJA  
AHLI LEMBAGA ADAT WARIS DI AIR
12. DATO' HAJI ZAINAL BIN ABDUL MAJID, DATO' MENTERI PENGHULU  
AHLI LEBAGA ADAT WARIS DI AIR
13. DATO' PUAN HAJJAH ROGAYAH BINTI SIDANG, DATO' SERI AMAR  
DIRAJA AHLI LEMBAGA ADAT WARIS DI AIR
14. DATO' HAJI KAHAR BIN SIKIN, DATO' PERDANA MENTERI  
AHLI LEMBAGA ADAT WARIS DI AIR

15. DATO' ISMAIL BIN TOM, DATO' BENTARA  
AHLI LEMBAGA ADAT WARIS DI AIR
  16. DATO' WAHID BIN ABDULLAH, DATO' BENTARA  
AHLI LEMBAGA ADAT WARIS DI AIR
  17. DATO' MUHAMAD YASIN BIN ABU CHIK, DATO' PANGLIMA BESAR  
ORANG BESAR BALAI ADAT WARIS DI AIR
  18. DATO' MUHAMAD SOPIAN BIN SULAINI, DATO' PANGLIMA BESAR  
ORANG BESAR BALAI ADAT WARIS DI AIR
  19. DATO' ISHAK BIN SHAMSUDIN, DATO' PANGLIMA SUTAN  
ORANG BESAR BALAI ADAT WARIS DI AIR
- DEFENDAN-  
DEFENDAN

~~EX PARTE~~ SAMAN DALAM KAMAR

BENARKAN SEMUA PIHAK YANG BERKENAAN hadir di hadapan Hakim dalam kamar pada 10 AUGUST 1995, 1995 9.00 pagi/petang untuk pendengaran permohonan di pihak Plaintiff yang dinamakan diatas bagi satu perintah untuk dan supaya:-

*sebagai Defendan Petama hingga keatas dan seterusnya*  
"dihalang mana-mana orang yang dengan Adat Waris Di Air Luak Sungai Ujong dan atau mana-mana badan yang berkenaan dengan Adat tersebut yang berhubung kait dengan perlantikan atau pemecatan Dato' Shahbandar sebagai Ketua Adat Waris Di Air daripada membuat atau melaksanakan apa-apa langkah perbincangan, perjumpaan atau mesyuarat yang melibatkan soal Plaintiff, Dato' Shahbandar sehingga Perintah Mahkamah di bawah Saman Writ Plaintiff dikeluarkan".

DAN bahawa Defendan-defendan hendaklah membayar kos bagi permohonan ini;

DAN JUGA Lain-lain relif seperti yang difikirkan patut dan sesuai manafa'at oleh Mahkamah yang mulia ini.

Bertarikh pada 26 hb July, 1995.

*Arizal flo*  
.....  
Peguamcara dan Peguambela bagi  
Plaintif



t. t. Resendani Lt. A.D. Rahman  
.....  
Timbalan Pendaftar,  
Mahkamah Tinggi,  
Seremban.

EX-parte Saman Dalam Kamar ini difailkan oleh TETUAN ARIS RIZAL CHRISTOPHER FERNANDO & CO., Peguamcara bagi Pihak Plaintif yang beralamat di No. 49, (Tingkat Satu), Jalan Yam Tuan, 70000 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus. (R/702)

DALAM MAHKAMAH TINGGI DI SEREMBAN  
DALAM NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS, MALAYSIA

GUAMAN NO: 22 - 138 - 1994

ANTARA

DATO' HAJI SHAHARI BIN HAJI HASSAN, DATO' SHAHBANDAR  
SUNGAI UJONG KETUA ADAT WARIS DI AIR LUAK SUNGAI UJONG  
PLAINTIF

DAN

1. HAJI SHAMSUDIN BIN TALIB, ANAK BUAH WARIS DI AIR
2. ENCIK AZMAN BIN JAMLUS , ANAK BUAH WARIS DI AIR
3. CIK PUTIH BINTI JAMLUS, IBU SOKO WARIS DI AIR
4. ENCIK ZULKIPLI BIN RAZALI, ANAK BUAH WARIS DI AIR
5. HAJI IDRIS BIN TALIB, ANAK BUAH WARIS DI AIR
6. DATO' MUBARAK BIN DOHAK, DATO' KELANA PETRA  
UNDANG SUNGAI UJONG KETUA ADAT WARIS DI DARAT
7. KERAJAAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
8. DATO' HAJI SHAMSURI BIN HASSAN, DATO SERI MAHARAJA  
DIRAJA AHLI LEMBAGA ADAT WARIS DI AIR
9. DATO' HAJI ADAM BIN HUSSIN, DATO' MUDA LABU  
AHLI LEMBAGA ADAT WARIS DI AIR
10. DATO' HAJI RAZALI BI YAHYA, DATO' AKHIRZAMAN RANTAU  
AHLI LEMBAGA ADAT WARIS DI AIR
11. DATO' HAJI AWALUDIN BIN TEMU, DATO' PADUKA DIRAJA  
AHLI LEMBAGA ADAT WARIS DI AIR
12. DATO' HAJI ZAINAL BIN ABDUL MAJID, DATO' MENTERI PENGHULU  
AHLI LEBAGA ADAT WARIS DI AIR
13. DATO' PUAN HAJJAH ROGAYAH BINTI SIDANG, DATO' SERI AMAR  
DIRAJA AHLI LEMBAGA ADAT WARIS DI AIR
14. DATO' HAJI KAHAR BIN SIKIN, DATO' PERDANA MENTERI  
AHLI LEMBAGA ADAT WARIS DI AIR

15. DATO' ISMAIL BIN TOM, DATO' BENTARA  
AHLI LEMBAGA ADAT WARIS DI AIR
  16. DATO' WAHID BIN ABDULLAH, DATO' BENTARA  
AHLI LEMBAGA ADAT WARIS DI AIR
  17. DATO' MUHAMAD YASIN BIN ABU CHIK, DATO' PANGLIMA BESAR  
ORANG BESAR BALAI ADAT WARIS DI AIR
  18. DATO' MUHAMAD SOPIAN BIN SULAINI, DATO' PANGLIMA BESAR  
ORANG BESAR BALAI ADAT WARIS DI AIR
  19. DATO' ISHAK BIN SHAMSUDIN, DATO' PANGLIMA SUTAN  
ORANG BESAR BALAI ADAT WARIS DI AIR
- DEFENDAN-  
DEFENDAN

### AFIDAVIT

Saya, DATO' HAJI SHAHARI BIN HAJI HASSAN, DATO' SHAHBANDAR SUNGOI UJONG, KETUA ADA WARIS DI AI LUAR SUNGAI UJONG, NO. K/P: 4002525 dan warganegara Malaysia yang cukup umur dan beralamat di Balai Rasmi Dato' Shahbandar, Sg. Ujong, 71200 Rantau, Negeri Sembilan Darul Khusus dengan ini sesungguhnya berikrar dan menyatakan seperti berikut:-

1. Saya adalah Plaintiff di dalam tindakan ini dan mempunyai pengetahuan berhubung dengan fakta yang terkandung dalam Afidavit ini.
2. Saya pohon rujuk kepada Writ Saman dan Penyata Tuntutan yang difailkan di dalam perkara ini dan mengulangi pernyataan-pernyataan yang terkandung di dalamnya khususnya perenggan 7 dan 8. Perkara-perkara yang telah menyebabkan kononnya pemecatan saya sebagai

Datuk Shahbandar adalah diluar Undang-undang dan merujuk kepada hal-hal seperti berikut:-

- a) **Defendan Pertama hingga Kelima mengadakan perjumpaan pada 13/8/94 secara tidak sah dari segi adat dan Undang-undang;**
- b) **Tiada lembaga Waris Di Air hadir dalam perjumpaan tersebut dan dengan demikian tiada kuasa Lembaga wujud dalam perjumpaan ini;**
- c) **Dato' Mubarak bin Dohak, Dato' Kelana Petra Undang Sungai Ujong Ketua Adat Waris Di Air (Defendan Keenam) sebagai Ketua Waris Di Darat tiada hak memecat Plaintiff kerana Dato' Kelana dikehendaki berunding dengan Plaintiff dalam semua perkara sebelum bertindak mengikut Artikel 15 (2) Perlembagaan Negeri Sembilan;**
- d) **Usul perjumpaan untuk, kononnya memecat saya, adalah tidak sah;**
- e) **Keputusan perjumpaan yang telah disembahkan kepada Defendan Keenam telah dipanjangkan kepada Kerajaan yang telah bertindak tanpa menyiasat kesahihan usul tersebut dan menyebabkan 'permakanan' [elaun] saya ditahan**
- f) **Langkah-langkah yang telah diambil oleh Defendan Pertama hingga Kelima dan Defendan Keenam dan Kerajaan tiada mengikut lunas-lunas Adat Sungai Ujong dan Undang-undang;**
- g) **Saya akan membuktikan kepalsuan berniat jahat yang dijalankan oleh Defendan Pertama hingga Keenam dalam perbicaraan;**
- h) **Pada masa ini Defendan-defendan tersebut iaitu Defendan Pertama hingga Keenam telah mendapatkan restu dari Dewan Keadilan atas perbuatan mereka dan sekiranya langkah-langkah Defendan-defendan tersebut tidak dihalang sekarang maka, perkara langgar Adat ini bukan sahaja akan berterusan, bahkan peluang saya untuk memulihkan status quo saya akan hilang.**
- i) **Keadaan meruncing seperti yang tersebut di atas bertambah buruk lagi kerana Defendan-defendan Pertama hingga keenam tersebut sedang merancangkan "perlantikan" Dato' Shahbandar yang baru;**
- j) **Dewan Keadilan telah mengambil kesempatan tiadanya keputusan Mahkamah dan akan bertindak dalam keadaan salah terima;**
- k) **Defendan Keenam iaitu Dato' Mubarak bin Dohak, Dato' Kelana Petra Undang Sungai Ujong Ketua Adat Waris di Darat**

baru sahaja dilantik dan tiada pengalaman dalam hal Adat Sungai Ujong.

3. Saya berkata bahawa Defendan satu hingga enam sedang bertindak sendirian supaya perlantikan baru dibuat untuk mengisi jawatan Dato' Shahbandar yang dianggap kosong, yang mana adalah melanggar Undang-undang Adat serta prosedurnya.
4. Saya akan kehilangan peluang untuk memulihkan status quo saya, dan jika terlewat bertindak, maka saya mungkin akan kehilangan jawatan saya sebagai Dato' Shahbandar yang sah.
5. Oleh itu, saya memohon perintah injungsi interlokutori ini sebelum perlupusan kes di bawah Writ Saman.

Diikrarkan oleh


Dato' Haji Shahari Bin Haji Hassan,

Dato' Shahbandar Sungai Ujong,

Ketua Adat Waris Di Air Luak Sungai Ujong,

di *Seremban*

pada 26 JUL 1995



Dihadapan Saya,



*[Signature]*  
Pesuruhjaya Sumpah.

49, JALAN YAM TUAN  
SEREMBAN



**Afidavit ini difailkan oleh TETUAN ARIS RIZAL CHRISTOPHER  
FERNANDO & CO., Peguamcara bagi Pihak Plaintiff yang beralamat di  
No. 49, (Tingkat Satu), Jalan Yam Tuan, 70000 Seremban, Negeri  
Sembilan Darul Khusus. (R/702)**